



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**KONVENSYEN SKUAD WAJA KEBANGSAAN
2024**

“TEKAD BERBAKTI, WAJA BESTARI”

**BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE (BACC)
26 NOVEMBER 2024 (SELASA)/2.30 PETANG**

Kemas kini 20 November 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

***LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita berkumpul di **Majlis Perasmian Konvensyen Skuad Waja Kebangsaan 2024 yang bertemakan “Tekad Berbakti, Waja Bestari”**.
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sebagai penganjur program dan semua pihak yang terlibat menjayakan Konvensyen Skuad Waja Kebangsaan 2024. Saya dimaklumkan bahawa konvensyen ini merupakan konvensyen yang julung kali diadakan,

dengan itu, syabas diucapkan kepada JPW.

3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran para peserta konvensyen, iaitu ahli Skuad Waja dari pelbagai negeri, wakil NGO, wakil media dan semua tetamu yang hadir pada hari ini.
4. Sesungguhnya, kehadiran dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan inilah yang akan mempamerkan semangat yang tinggi bagi menjayakan agenda memperkasakan wanita dan melindungi wanita daripada sebarang bentuk keganasan dan penganiayaan.
5. Penubuhan Program Sukarelawan Skuad Waja ialah **inisiatif** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat (KPWKM) melalui JPW **yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti.** Program Skuad Waja merangkumi aspek **kesejahteraan, kepimpinan, keselamatan dan ekonomi bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu jenayah** yang sering berlaku terhadap wanita.

6. Sejak penubuhan Skuad Waja **pada tahun 2021 hingga bulan Oktober 2024,** bilangan ahli Skuad Waja adalah seramai **337,958 orang,** terdiri daripada **262,048 orang wanita, iaitu 77.5% dan 75,910 orang lelaki, iaitu 22.5%.**

(B) KONVENSYEN SKUAD WAJA KEBANGSAAN

2024

Hadirin yang dihormati,

7. Sehubungan dengan komitmen semua yang terlibat dengan Skwad waja, Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan 2024 ini merupakan **platform Kerajaan untuk memberikan pengiktirafan kepada Skwad Waja yang menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan pembangunan negara.**
8. Menerusi konvensyen ini, Skwad Waja yang terpilih akan dikurniakan **Anugerah Skwad Waja Bestari.** Penilaian bagi anugerah tersebut dibuat berdasarkan penilaian terhadap Program Sumbang Bakti Skwad

Waja yang dilaksanakan oleh Skuad Waja pada tahun ini.

9. Sejumlah **26 Program Sumbang Bakti Skuad Waja berjaya dilaksanakan dan menyantuni seramai 2,227 orang dalam komuniti di seluruh Malaysia.** Program tersebut dinilai berdasarkan 5 kriteria utama iaitu:

- i. Pertama, **nilai impak program dalam komuniti;**
- ii. Kedua, **kesinambungan program;**
- iii. Ketiga, **kebolehcapaian program;**
- iv. Keempat, **kolaborasi strategik; dan**
- v. Kelima, **kreativiti dan keaslian program.**

10. Jawatankuasa panel penilai adalah dalam kalangan **agensi kerajaan dan**

swasta bagi mendapatkan **penilaian yang lebih menyeluruh.**

11. Konvensyen ini turut disertakan dengan **Majlis Pentauliahan Skuad Waja Gen Z kepada 300 orang ahli Skuad Waja Gen Z.** Saya dimaklumkan bahawa mereka ini telah diberikan latihan yang menggunakan **Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial atau ringkasnya, PEKERTI,** yang dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

(C) TEMA KONVENSYEN SKUAD WAJA KEBANGSAAN 2024

Hadirin yang dikasihi,

12. Tema konvensyen pada kali ini ialah **“Tekad Berbakti, Waja Bestari”**. Pemilihan tema ini bertujuan untuk **menggambarkan keazaman Skuad Waja yang memainkan peranan sebagai ejen perubahan dalam komuniti.**

13. Skuad Waja sentiasa **komited untuk berbakti** dengan jayanya dengan **penuh semangat daya juang yang disulami dengan budi pekerti**, iaitu **membantu tanpa mengharapkan balasan.**

(D) PROGRAM SUMBANG BAKTI SKUAD WAJA

Hadirin yang dikasihi,

14. Pada tahun ini, bagi mempergiat program psikososial dan turun padang yang

dilaksanakan oleh Skuad Waja, JPW telah merangka pelbagai program advokasi menangani isu keganasan dan menyantuni masyarakat dengan lebih dekat, iaitu melalui **Program Sumbang Bakti Skuad Waja** di komuniti masing-masing. Program ini digerakkan melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri seluruh Malaysia dengan penglibatan Skuad Waja di negeri masing-masing. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama Skuad Waja dalam kalangan individu atau NGO yang turun padang bersama-sama menyantuni masyarakat pada peringkat akar umbi.

(E) SKUAD WAJA GEN Z

Hadirin yang dihormati,

15. Untuk tahun 2024, peranan **Skuad Waja juga telah diperluas** bagi membantu dan menyantuni golongan remaja melalui program kerjasama yang dilaksanakan **bersama-sama dengan LPPKN**. Skuad Waja ini dinamakan sebagai **Skuad Waja Gen Z**. Seramai 300 orang ahli Skuad Waja Gen Z dilatih dengan menggunakan **Modul PEKERTI LPPKN**. Ahli Skuad Waja Gen Z merupakan ahli Skuad Waja di **pelbagai daerah di setiap negeri, yang berumur antara 18 hingga 30 tahun**. Mereka ini telah dilatih menggunakan Modul Skuad Waja dan berminat dalam aktiviti kesukarelawanan.

16. Jadinya, Skuad Waja Gen Z dapat **membantu meningkatkan kesedaran**

terhadap pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial terutama kepada golongan remaja dalam komuniti setempat. Selain itu, Skuad Waja Gen Z juga dapat memperluas peranannya kepada komuniti dengan melaksanakan bantuan psikososial dan bimbingan kepada belia yang memerlukan.

(F) PENUTUP

Hadirin yang dikasihi,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **tahniah kepada ahli Skuad Waja yang terpilih untuk menerima Anugerah Sumbang Bakti Skuad Waja dan juga kepada ahli Skuad Waja Gen Z**

yang selesai menjalani latihan dan menerima pentauliahan sebagai Skwad Waja Gen Z.

18. Dengan penganugerahan dan pentauliahan tersebut, saya berharap semoga Ahli Skwad Waja dan Skwad Waja Gen Z akan lebih bersemangat melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dengan penuh iltizam.
19. Maka dengan kata-kata itu, dengan lafaz **“Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya merasmikan Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan 2024** dengan temanya **“Tekad Berbakti, Waja Bestari”**.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi

YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
26 November 2024